



**AMAN PALESTIN BHD (719871-K)**

**KERTAS KERJA  
PROJEK RAMADHAN  
AL-MUBARAK 1430H  
BERSAMA BANK MALAYSIA**

**AMAN PALESTIN BERHAD**

NO. 1, JALAN 3/3B, SEKSYEN 3,  
43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR.

TEL: 03-89267019    FAKS: 03-89259963

**E-ME L**

[alquds3@streamyx.com](mailto:alquds3@streamyx.com) / [amanpalestin@yahoo.com](mailto:amanpalestin@yahoo.com)

**LAMAN WEB**

[www.amanpalestin.org](http://www.amanpalestin.org)

## **1.0 PENGENALAN**

Aman Palestin adalah sebuah badan kebajikan yang ditubuhkan khusus untuk membela dan membantu rakyat Palestin. Aman Palestin telah ditubuhkan bermula pada tahun 2004, mendapat kelulusan rasmi daripada SSM pada Januari 2006 sebagai sebuah syarikat yang tidak berteraskan keuntungan (non-profit organisation).

Semenjak itu Aman Palestin telah berjalan dengan baik dan mendapat sokongan berbagai-bagai lapisan masyarakat. Sepanjang tempoh itu juga Aman Palestin telah berjaya menjalinkan kerjasama dengan berbagai-bagai badan rasmi, NGO dan juga media. Semenjak dari mula beroperasi sehinggalah sekarang sudah lebih RM4 juta sumbangan telah disalurkan dan diterjemah ke dalam pelbagai bentuk projek seperti pembinaan rumah anak yatim, bantuan keluarga miskin, ambulans, bantuan makanan, biasiswa pelajaran, ubat-ubatan dan sebagainya.

Demi untuk melihat prestasi yang lebih baik dan menyebarkan lagi penglibatan warga negara Malaysia terhadap isu Palestin, Aman Palestin berhasrat untuk mengambil inisiatif mengadakan Kempen Ramadhan Untuk Palestin melalui kemudahan perbankan. Dengan adanya kempen ini rakyat Malaysia dapat menghulurkan bantuan dengan mudah dan berterusan di mana penderma boleh menderma melalui Perbankan Internet yang terpilih ataupun *Automatic Teller Machine* (ATM) di bank-bank tempatan.

## **2.0 BENTUK PROJEK**

Menjalankan "Kempen Ramadhan Untuk Palestin" seterusnya menerima dan mengumpulkan dana sumbangan untuk Palestin melalui kaedah perhubungan perkhidmatan : -

- i ) Mesin ATM (*Automatic Teller Machine*)
- ii ) Perbankan Internet

## **3.0 OBJEKTIF PROJEK**

- 3.1 Menerapkan sikap peduli dan ingin membantu di kalangan masyarakat Malaysia kepada nasib rakyat Palestin yang ditindas dan dizalimi oleh rejim Zionis.
- 3.2 Memudahkan rakyat Malaysia menyalurkan sumbangan mereka secara terus dengan melalui perkhidmatan bank-bank tempatan.

- 3.3 Memperkaya dan memperhebatkan lagi kempen dana untuk Palestin bagi membantu dan memberikan sinar harapan buat mereka di bulan Ramadhan dan Aidilfitri.
- 3.4 Memupuk perasaan kasih sayang atas dasar kemanusiaan serta menyemai rasa cintakan tanah air.

#### **4.0 TEMPOH PROJEK**

23 Ogos 2009 – 23 September 2009  
(1 Ramadhan 1430H – 30 Ramadhan 1430H)

#### **5.0 RASIONAL KEMPEN**

- 5.1 Ramai di kalangan rakyat Palestin yang bertaraf hidup miskin untuk meneruskan kehidupan seharian mereka.
- 5.2 Ketiadaan sumber kewangan yang menghalang mereka untuk merasai kenikmatan dan kesenangan hidup.
- 5.3 Menjayakan projek-projek pembangunan setelah tanah air mereka dijajah dan dimusnahkan oleh rejim Zionis.
- 5.4 Kesan dalaman (trauma) yang menimpa rakyat Palestin setelah ditimpa musibah turut memberi kesan kepada kehidupan mereka. Oleh itu mereka perlukan sokongan dan bantuan untuk hidup secara normal seterusnya menikmati kebebasan sebagai manusia yang merdeka.

#### **6.0 PERLAKSANAAN**

Satu alternatif diperlukan bagi memudahkan rakyat Malaysia menyalurkan sumbangan mereka secara terus melalui perkhidmatan bank-bank tempatan. Oleh itu, pihak kami ingin mengadakan kerjasama dengan pihak tuan bagi memperhebatkan dan menjayakan kempen ini melalui perkhidmatan:-

1. Mesin ATM (*Automatic Teller Machine*) - Apabila pengguna hendak berurusan dengan pihak bank, terutamanya ketika menggunakan mesin ATM (*Automatic Teller Machine*), kempen bantuan untuk Palestin ini dapat diketahui. Secara tidak langsung, ia mendorong pengguna untuk menderma kepada Palestin.

2. Perbankan Internet - Setiap pelanggan yang menggunakan kemudahan perbankan internet ini juga dapat mengetahui tentang kempen ini. Bagi sesiapa yang ingin menghulurkan bantuan, dapat melakukannya secara langsung melalui perkhidmatan ini.

## 9.0 PENUTUP

Selaku pihak penganjur, besarlah hasrat Aman Palestin untuk melihat projek sempena Ramadhan Al-Mubarak ini dapat membantu mengurangkan bebanan dan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Palestin. Moga segala objektif yang ingin dicapai dapat direalisasikan dengan jayanya.

Diharapkan agar keprihatian yang berterusan oleh rakyat Malaysia dalam menghulurkan sumbangan tersebut dapat memberikan sinar harapan dan membantu meringankan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Palestin.

*“ Sesungguhnya orang-orang yang membenarkan (Allah dan Rasul-Nya) baik laki-laki mahupun perempuan dan meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, nescaya akan dilipat-gandakan (pembayarannya) kepada mereka dan bagi mereka pahala yang banyak”*  
*Al hadid : 18*

*Disediakan oleh,*

**AMAN PALESTIN BERHAD (719871-K)**

*No. 1, Jalan 3/3B,*

*Seksyen 3,*

*43650 Bandar Baru Bangi.*

*Selangor Darul Ehsan.*

*Tel : 0389267019*

*Fax : 0389259963*

[www.amanpalestin.org](http://www.amanpalestin.org)